

27.6.2024

Siaran Media 1: Mesyuarat Agung Tahunan PBA Holdings Bhd (PBAHB) ke 24

## **YAB TUAN CHOW KON YEOW**

Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengerusi, PBAHB dan PBAPP.

### **PBAPP DAN PBAHB AKAN MAJU KE HADAPAN DAN TIDAK MUNDUR KE BELAKANG**

- **Penggunaan air Pulau Pinang mencecah 927 JLH pada Februari 2024. PBAPP mesti meneroka tiga (3) sumber air mentah tambahan, meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan meningkatkan kapasiti pengepaman air terawat ke Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Khamis, 27.6.2024: Lembaga Pengarah PBA Holdings Bhd (PBAHB - PBA 5041) telah mengarahkan PBAPP untuk “maju hadapan dan tidak mundur ke belakang” untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang sehingga Tahun 2030.

Dalam menghadapi permintaan air yang semakin meningkat, pembangunan infrastruktur bekalan air tambahan di Pulau Pinang tidak boleh ditangguhkan lagi. Jika PBAPP tidak maju ke hadapan, rakyat dan perniagaan di Pulau Pinang akan mengalami kesannya iaitu kekurangan air.

Pada Februari 2024, penggunaan air Pulau Pinang mencapai rekod tertinggi 927 juta liter sehari (JLH) dan dijangkakan menjelang 2030, permintaan air Pulau Pinang mencecah 1,532 JLH.

Pertumbuhan penggunaan air dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah menunjukkan bahawa Pulau Pinang telah bangkit semula selepas kawalan pergerakan berikutan pandemik Covid-19.

Namun begitu, adalah penting untuk ambil maklum bahawa penggunaan air yang lebih tinggi bukan disebabkan oleh PBAPP, tetapi permintaan air yang semakin meningkat dalam negeri ini. Bermula tahun ini, kadar air telah disemak untuk membiayai pelan PBAPP bagi membekalkan lebih banyak air dan menangani risiko air Pulau Pinang.

Oleh itu, PBAPP kini mesti menumpukan perhatian untuk menyiapkan projek Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) dan projek strategik lain tepat pada masanya.

Matlamat utama WCP 2030 adalah untuk:

- Meneroka tiga (3) sumber air mentah tambahan di Seberang Perai (Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan, Sungai Kerian dan Sungai Perai);

- Meningkatkan kapasiti rawatan air di Pulau Pinang sebanyak 602 JLH; dan
- Meningkatkan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau, Pulau Pinang.

Oleh itu, PBAPP mesti mencapai hasil yang diperlukan dalam tempoh dari 2024 hingga 2028 untuk mengelakkan satu lagi masalah kekurangan air di Pulau Pinang.

#### PBAHB: Untung bersih RM34.348 juta, dividen akhir satu peringkat 1.75 sen

PBAPP ialah subsidiari utama PBA Holdings Bhd (PBAHB – PBA 5041). Semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-24 PBAHB hari ini, para pemegang saham meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham. Tarikh kelayakan ditetapkan pada 15.7.2024. Unjuran jumlah pembayaran kepada 7,507 pemegang saham ialah RM5.792 juta menjelang 26.7.2024.

Dengan pembayaran dividen akhir ini, pemegang saham PBAHB akan menerima dividen satu peringkat bersih sebanyak 3.5 sen sesaham untuk 2023. Tahun ini juga menandakan tahun ke-23 berturut-turut PBAHB membayar dividen.

Harus diingat bahawa keuntungan bersih PBAHB 2023 sebanyak RM34.348 juta adalah lebih rendah daripada keuntungan bersih RM77.116 juta yang dilaporkan untuk 2022.

Ini disebabkan terutamanya oleh fakta bahawa keuntungan bersih bagi tahun 2022 termasuk peruntukan sebanyak RM49.0 juta dalam “aset cukai tertunda yang diiktiraf untuk elaun pelaburan semula yang tidak digunakan setakat yang berkemungkinan untuk pengiktirafan.”

Tiada elaun cukai sedemikian untuk tahun kewangan 2023.

Realitinya, keuntungan sebelum cukai (PBT) PBAHB bagi tahun 2023 adalah RM68.410 juta berbanding RM32.998 juta pada tahun 2022. Peningkatan 107.3% dalam PBT tahun ke tahun ini disebabkan terutamanya oleh semakan kadar air 2023 untuk penggunaan bukan air domestik. Secara amnya, penggunaan air bukan domestik merujuk kepada penggunaan oleh pengguna perniagaan dan organisasi kerajaan di Pulau Pinang.

#### Kadar air domestik 2024

Pada 31.1.2024, Kerajaan Persekutuan Malaysia menetapkan kadar air baharu untuk penggunaan air domestik oleh isi rumah di Pulau Pinang. Kadar baharu ini berkuat kuasa bermula 1.2.2024. Kadar air baharu juga ditetapkan secara serentak untuk 10 negeri lain di Semenanjung Malaysia dan 3 wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

4 rasional utama untuk kadar air domestik Pulau Pinang 2024 boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Pada 2023, PBAPP membekalkan purata 877 juta liter sehari (JLH) air terawat. 877 MLD ialah jumlah purata tahunan tertinggi dalam sejarah Pulau Pinang. Namun begitu, terdapat isu air terputus-putus dilaporkan di beberapa kejurangan di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD). Isu-isu ini mesti diselesaikan sebelum keadaan menjadi lebih buruk.
2. Jumlah Subsidi air domestik PBAPP adalah RM116 juta pada tahun 2023. Tahap subsidi ini tidak mampan. Ia menjejaskan kedudukan kewangan PBAHB dan menghadkan pelaksanaan projek penambahbaikan bekalan air PBAPP di Pulau Pinang.

Dengan kadar air domestik 2024, PBAPP masih memberi subsidi kepada penggunaan air domestik di Pulau Pinang, namun pada tahap yang lebih boleh diterima.

3. Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang ialah 284 liter/kapita/hari (LKH) pada 2023, berbanding purata nasional 237 LKH pada 2022 dan 141 LKH Singapura pada 2023.

Kadar air baharu diharap dapat menggalakkan dan meyakinkan pengguna domestik Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air di kediaman mereka. Ini adalah selaras dengan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Penang2030 untuk mentransformasikan negeri ini menjadi “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.”

4. Kos PBAPP untuk membekalkan air di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 30% sejak semakan tarif terakhir pada 2015. Elemen utama peningkatan kos ini termasuk Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) TNB dalam caj elektrik.

Ia juga termasuk kos tenaga yang lebih tinggi dan kehilangan air operasi untuk mengepam air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Air Itam, untuk mempertahankan rizab Empangan Air Itam pada 2023 dan 2024.

#### Soft Landing: Rebat air domestik “One-off” RM11 juta

Pada 5.6.2024, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengarahkan PBAPP untuk tidak mengebil pengguna domestik Pulau Pinang untuk penggunaan 10m<sup>3</sup> (10,000L) pertama dalam 3 bil air dwi-bulanan bagi tempoh dari 1.7.2024 hingga 31.12.2024.

Terdapat kira-kira 596,000 pengguna air domestik berdaftar di Pulau Pinang. Jumlah penjimatan bagi setiap pengguna air domestik ialah RM18.60 dalam tempoh 6 bulan yang ditetapkan.

Unjuran impak ke atas hasil PBAPP ialah kira-kira RM11 juta.

Isyarat “mesra keluarga” ini bertujuan untuk menyediakan kepada isi rumah Pulau Pinang dengan satu “*soft landing*” terhadap kadar domestik air Pulau Pinang 2024.

Harap maklum 3 fakta berikut:

- PBAHB dan PBAPP ialah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (GLC Negeri). Pemegang saham majoriti PBAHB ialah “Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang”, sebuah entiti yang memegang 55% saham PBAHB dan saham emas dalam amanah awam.
- Dengan rebat air domestik RM11 juta, ia diunjurkan bahawa pendapatan PBAPP akan meningkat sebanyak RM75 juta (bukan RM86 juta) pada 2024.
- Tambahan RM75 juta akan diperuntukkan terutamanya untuk projek WCP 2030 untuk meningkatkan bekalan air di Pulau Pinang, mengurangkan isu air dan mengurangkan risiko bekalan air, berbanding Sungai Muda dan perubahan iklim.

Kesimpulannya, rebat air domestik RM11 juta adalah langkah muhibah “*one-off*” yang akan memanfaatkan majoriti pelanggan PBAPP di Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)